

Dua fakulti UniSZA ke Besut



Ahmad Zubaidi (dua, kanan) cuba tembikai yang ditanam menggunakan kepakaran racun serangga dan baja tanpa kimia.

*Dipindahkan
akan dibuat
secara
berperingkat*

MOHD TAHA YAACOB

TEMBILA

Dua fakulti di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Gong Badak akan dipindahkan ke UniSZA Kampus Besut. Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Ahmad Zubaidi Latiff berkata, fakulti Bahasa dan Komunikasi serta Fakulti Sains Sosial dan Gunaan yang sekarang ini masih beroperasi di Gong Badak akan dipindahkan secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun ini.

Menurutnya, dengan pemindahan fakulti tersebut

Besut mempunyai lima fakulti termasuk tiga fakulti sedia ada di sini iaitu Fakulti Biosumber Industri Makanan, Informatik dan Komputeran serta Farmasi.

"Pemindahan akan dilakukan berperingkat-peringkat dan beberapa kemudahan untuk pensyarah dan pelajar sedang dibangunkan di kampus Besut," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Kutipan Hasil Tanaman Tembila di Tapak Projek Komuniti UniSZA Kampus Besut.

Ahmad Zubaidi berkata lagi, pelbagai lagi projek pembangunan akan dibangunkan di kampus Besut yang akan diumumkan selepas ini dan ia sekali gus akan membantu merencanakan pembangunan daerah ini seterusnya memberi impak secara tidak langsung kepada komuniti.

Sementara itu menurut Adun Kota Putera, Mohd Mahdi Musa berkata, se-

bawah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) akan dibina di kawasan Dendong berdekatan UniSZA Kampus Besut tahun ini.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri berkata, sebanyak tiga jenis rumah akan dibina melalui projek kerjasama antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri iaitu jenis banglo, semi-D dan rumah mampu milik.

"Tapak bagi pembinaan perumahan itu sudah diratakan manakala majlis pecah tanah dijangka akan dilakukan tidak lama lagi," katanya.

Mohd Mahdi berkata, pembinaan penempatan baharu itu pada masa hadapan dapat menampung penambahan kakitangan dan juga pelajar UniSZA Kampus Besut yang kini berdepan masalah tempat tinggal tidak mencukupi di kawasan uni-